

## **Wan Azizah tiada harapan bila Najib lantik Ezam?**

**Free Malaysia Today**

**19 March 2014**

**FMT Staff**

### **Kempen untuk Wan Azizah menjadi lesu apabila Ezam berkempen.**

PETALING JAYA: Blogger Shahbudin Hussin menyindir Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah membuat perkiraan yang tepat dengan melantik bekas Setiausaha Politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ezam Mohd Noor (gambar) sebagai Pengarah Komunikasi di Kementerian Kewangan hanya beberapa hari menjelang pembungaan undi pilihanraya kecil DUN Kajang pada 23 Mac ini.

Katanya, calon PKR, Datin Seri DrWan Azizah Wan Ismail nampaknya tiada harapan lagi untuk menang di Kajang sekiranya Ezam turut berkempen bersama jawatan barunya itu.

“Perlantikan dan kehadiran Ezam akan membuatkan seluruh jentera PKR patah semangat kerana berkotak-kotak bukti mengenai rasuah dan salah laku pemimpin UMNO yang masih dalam simpanannya dan tidak didedahkan sehingga kini, turut membuatkan mereka membayangkan bahawa Ezam juga mempunyai lebih banyak kotak mengenai pemimpin PKR pula,” tulis beliau dalam posting terbaru dalam blognya [www.shahbudindotcom.blogspot.com](http://www.shahbudindotcom.blogspot.com)

Katanya, akhirnya kempen untuk Wan Azizah menjadi lesu dan disertai dengan gambaran kepimpinan Najib yang terlihat dinamik itu akan membuatkan calon BN daripada MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun seperti sedang menunggu rahmat besar menjelang 23 Mac ini sambil sudah boleh membayangkan kedudukan sebagai ADUN Kajang akan menjadi miliknya.

Menurut beliau yang juga bekas ahli jawatankuasa Umno Bahagian Wangsa Mahu, ini adalah ganjaran kali kedua yang diterima oleh bekas Ketua Angkatan Muda PKR itu daripada Najib berkuatkuasa 15 Mac lalu.

Sebelum ini beliau sudah diberikan jawatan Senator sejak 2010 tetapi khidmatnya yang tidak disambung untuk penggal kedua.

Perlantikan Ezam sebagai Pengarah Komunikasi di Kementerian Kewangan dengan gred jawatan JUSA B membuatkan Ezam yang merupakan bekas orang kuat Anwar Ibrahim dilihat mempunyai nilai istimewa di mata Najib.

“Nasib dan rezekinya nyata lebih baik berbanding sekian ramai ahli dan pemimpin yang setia kepada UMNO, tidak pernah keluar UMNO dan tidak pernah mencerca UMNO,” katanya lagi.

Shahhudin mempertikai apa hebatnya Ezam kerana setelah dilantik Senator, kedudukan Anwar Ibrahim tidak juga goyah dan PKR bersama-sama dengan PAS dan DAP pula terus mendapat sambutan daripada rakyat.

Beliau menyindir jika Chew Mei Fun menang, ia bukan kerana kerja kuat Tan Sri Muhyiddin Yassin atau kehebatan program penerangan Datuk Ahmad Maslan tetapi kerana kebijaksanaan Najib melantik Ezam menjelang PRK Kajang.

“Beserta aura dan pengalamannya sebagai Setiausaha Politik Anwar di Kementerian Kewangan suatu ketika dahulu juga, Ezam akan dapat membantu Najib dan kerajaan menangani krisis kewangan yang mungkin melanda negara sebagaimana yang sudah diberi peringatan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam,” sindirnya lagi.

Copyright © 2014 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/19/wan-azizah-tiada-harapan-bila-najib-lantik-ezam/>